



DR SHARIFF (duduk, lima dari kiri) bersama penerima anugerah.

# UMS diberi geran RM24 juta

08.12.2011 6

## Cheang Poh Hwa

LABUAN: Universiti Malaysia Sabah-Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) menerima geran sebanyak RM24 juta di bawah Rancangan Malaysia ke-10 (RMK-10) untuk pembinaan pusat dewan kuliah dan perpustakaan, yang dijangka siap pada 2014.

Pengumuman itu dibuat pada majlis anugerah graduan UMS-KAL baru-baru ini.

Samantha Lee, 23, dinamakan sebagai pelajar terbaik keseluruhan dalam Ekonomi dan Kewangan Antarabangsa. Dia dianugerahkan pingat emas bernilai RM4,000 dan plak, sementara Looi Rene dan Lai Wai Yuen, masing-masing menerima perak dan gangsa bernilai RM3,000 dan RM2,000, dan plak sebagai

menghargai pencapaian mereka.

Ezy @ Norul Atikah Sabtu dari Sekolah Sains dan Maklumat muncul juara dalam kategori pelajar luar.

41 pelajar lain juga diiktiraf atas kecemerlangan mereka mengikut kursus, projek tahun akhir, hadiah buku dan program terbaik.

Majlis itu dirasmikan oleh Pengarah UMS-KAL Prof Dr Shariff Abdul Kadir Omang yang mewakili Nain Canselor UMS Prof Datuk Kamaruzaman Ampon.

Dr Shariff berterima kasih kepada Labuan Financial Authority (Labuan FSA) atas sumbangannya RM10,000 dan penaja lain kerana sokongan mereka dalam menjadikan majlis itu bermakna.